

<p>Dagangan : GROUND ROASTED COFFEE, NOT DECAFFEINATED Nama Perdagangan : Nescafe Dolce Gusto – Vanilla Latte Macchiato Jenama : Nescafe</p>	<p>Kod Tarif (Perintah Duti Kastam 2012): 0901.21.20 00 (PDK 2017) Tarikh Kelulusan : 06 Disember 2018</p>
---	--

Keterangan barangan :

Barangan dinamakan sebagai **Nescafe Dolce Gusto Vanilla Latte Macchiato** yang terdiri daripada kapsul plastik berwarna hitam dan putih yang dibungkus dalam kotak untuk jualan runcit. Setiap bungkusan kotak terdiri daripada 16 kapsul iaitu 8 kapsul berwarna putih (8 kapsul x 17.8g) dan 8 kapsul berwarna hitam (8 kapsul x 6g). Kapsul hitam mengandungi serbuk halus berwarna perang gelap yang dikatakan sebagai serbuk kopi. Kapsul putih mengandungi serbuk halus berwarna kuning pucat yang dikatakan campuran susu.

Penlabelan mencatatkan barangan adalah **Nescafe Dolce Gusto Vanilla Latte Macchiato – Roast and Ground Coffee and Whole Milk Powder with Sugar.**

Ketetapan:

Ketua Pengarah Kastam Malaysia memutuskan barangan sesuai diklasifikasikan di bawah kod tarif **0901.21.20 00** sebagai **Roasted coffee, not decaffeinated, ground** berdasarkan alasan-alasan berikut:

- Barangan terdiri daripada satu kapsul plastik berwarna hitam yang mengandungi serbuk halus berwarna perang gelap dan satu kapsul plastik berwarna putih mengandungi serbuk halus berwarna kuning pucat. Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh syarikat, serbuk halus berwarna perang gelap adalah *roast and Ground Coffee* (100% Arabica), manakala serbuk berwarna kuning pucat adalah campuran *whole milk powder (cow's milk), sugar, flavouring, emulsifier (soya lecithin)*.
- Hasil analisis pakar mengesahkan bahawa serbuk halus berwarna perang gelap adalah *ground, roasted and not decaffeinated coffee*. Manakala serbuk halus kuning pucat adalah terdiri daripada lemak susu, gula (laktosa, sukrosa) dan protein
- Kegunaan barangan adalah untuk membuat minuman menggunakan mesin Dolce Gusto. Kapsul yang mengandungi campuran *whole milk powder* akan dimasukkan ke dalam mesin Dolce Gusto terlebih dahulu untuk menghasilkan bancuhan susu yang akan dialirkan ke dalam gelas. Kemudian kapsul yang mengandungi serbuk kopi dimasukkan ke dalam mesin Dolce Gusto bagi menghasilkan bancuhan kopi dan dialirkan ke dalam gelas yang telah sedia mengandungi susu.
- Kedua kapsul hitam dan putih ini dipek dalam satu kotak sebagai 'set' untuk jualan secara runcit. Setiap kotak mengandungi 16 kapsul yang terdiri daripada 8 kapsul berwarna hitam dan 8 kapsul berwarna putih.
- Barangan ini didapati memenuhi kriteria sebagai *in set* seperti maksud di atas :
 - (i) Barangan terdiri daripada kapsul mengandungi serbuk kopi yang di klasifikasi di bawah **heading 09.01** dan kapsul yang mengandungi campuran *whole milk powder* di bawah **heading 19.01**

(ii) Serbuk kopi dan campuran *whole milk powder* digunakan bersama dalam satu aktiviti iaitu untuk membuat minuman

(iii) Barangan dipek untuk dijual secara runcit bukan untuk *repacking*.

- Dalam kes ini, serbuk kopi lebih memberikan sifat perlu (*essential character*) kepada barangan, manakala *creamer (whole milk powder)* adalah bersifat *subsidiary* berdasarkan kepada :

(i) Istilah "Latte Macchiato" bermaksud *coffee beverages with espresso and creamy foam on the top layer*

(ii) Penlabelan pada kotak pembungkusan menunjukkan barangan adalah "Nescafe" yang merupakan jenama bagi produk kopi (*Nescafé is a brand of coffee*)

Maka barangan adalah sesuai diklasifikasikan di bawah *heading* 09.01 dan mendapat liputan dalam ENHS 2017 ms. II-9-1:

09.01 - Coffee, whether or not roasted or decaffeinated; coffee husk and skins; coffee substitutes containing coffee in any proportion.

.....
This heading includes :

(1) – (2)

(3) *Roasted coffee (with or without caffeine content) whether or not ground.*

(4) – (5)

- Barangan sesuai diklasifikasikan di bawah kod tarif 0901.21.20 00 berdasarkan struktur Perintah Duti Kastam 2017 :

09.01	Coffee, whether or not roasted or decaffeinated; coffee husk and skins; coffee substitutes containing coffee in any proportion.
0901.11	- Coffee, not roasted:
.....
	- Coffee, roasted
0901.21	- - Not decaffeinated:
0901.21.10 00	- - - <i>Unground</i>
0901.21.20 00	- - - Ground
0901.22	- - <i>Decaffeinated</i>
0901.22.10 00	- - - <i>Unground</i>
0901.22.20 00	- - - <i>Ground</i>
0901.90	- <i>Other</i>
.....

Gambar barangan:

